TERMA DAN SYARAT

Preferred Current Account/Account-i Acquisition Campaign with Cash Reward RM188

1. Preferred Current Account/Account-i Acquisition Campaign with Cash Reward RM188 ("Kempen") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) ("**CIMB Islamic**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai ("**CIMB**").

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 23 Julai 2018 ke 31 Oktober 2018, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").

3. CIMB berhak mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada semua ahli CIMB Preferred sedia ada dan baharu yang tidak mempunyai Akaun Semasa Preferred ("**PCA**") sedia ada yang dibuka dengan CIMB Bank atau Akaun-i Semasa Preferred ("**PCA-i**") yang dibuka dengan CIMB Islamic Bank Berhad pada masa permulaan Tempoh Kempen.

   (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**").

5. Individu/Entiti-entiti berikut adalah dikecualikan and TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:-
   a) Keempunyaan tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Amal/Bukan Untung, Syarikat Awam, Syarikat Sendirian Berhad, Kelab, Kesatuan dan Koperasi; dan/atau
   b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Tawaran Kempen

6. Demi melayakkan diri untuk menikmati ganjaran tunai RM188 ("**Ganjaran Tunai**"), Pelanggan Layak harus merupakan seorang Individu Preferred CIMB yang membuka PCA/PCA-i ("**Akaun Penyertaan**") semasa Tempoh Kempen, mendepositkan dana baru berjumlah RM10,000 dalam Akaun Penyertaan dan mengekalkan baki purata bulanan minimum sebanyak RM10,000 pada satu bulan seterusnya sebaik sahaja selepas tarikh pembukaan akaun.

   Sebagai Contoh,
   a) Bagi PCA/ PCA-i yang dibuka pada 23 Julai 2018, minimum baki purata bulanan yang berjumlah RM10,000 hendaklah dikekalkan dalam akaun dari 1 Ogos 2018 hingga 31 Ogos 2018.
   b) Bagi PCA/ PCA-i yang dibuka pada 2 Ogos 2018, minimum baki purata bulanan yang berjumlah RM10,000 hendaklah dikekalkan dalam akaun dari 1 September 2018 hingga 31 September 2018.

7. Kaedah pengiraan baki purata bulanan dinyatakan seperti di bawah:

$$\text{Baki Purata Bulanan} = \frac{\text{Jumlah baki harian dari tarikh pembukaan akaun ke penamatan pada bulan yang sama}}{\text{Bilangan Hari dari tarikh pembukaan akaun ke penamatan pada bulan yang sama}}$$

Contoh Pengiraan untuk baki purata bulanan dalam 1 – 31 Ogos adalah seperti berikut:

Hari	Baki Harian (RM)	Hari	Baki Harian (RM)	Hari	Baki Harian (RM)	Hari	Baki Harian (RM)
1	20,000	9	50,000	17	5,000	25	30,000
2	20,000	10	50,000	18	5,000	26	30,000
3	20,000	11	50,000	19	5,000	27	30,000
4	20,000	12	50,000	20	5,000	28	30,000
5	20,000	13	50,000	21	5,000	29	30,000
6	20,000	14	50,000	22	5,000	30	30,000
7	20,000	15	50,000	23	5,000	31	30,000
8	20,000	16	50,000	24	5,000		

$$\text{Baki Purata Bulanan} = \frac{\text{RM810,000}}{31\ \text{hari}} = \text{RM26,129}$$

8. Istilah "**Dana Baru**" yang dirujuk di sini hendaklah ditakrifkan sebagai bermaksud wang atau dana yang tidak berasal dari CIMB, tetapi dipindah, dikredit atau dibayar ke dalam Akaun Penyertaan Peserta Layak dari bank dan/atau institusi kewangan lain melalui apa jua cara termasuk tetapi tidak terhad kepada:
   a) Penempatan Tunai; dan/atau
   b) *Interbank Giro Transfers* (IBG) / *Instant Funds Transfer* (IBFT); dan/atau
   c) Pemindahan Telegraf / *Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities* (RENTAS); dan/atau
   d) Cek Tempatan / cek jurubank,

   dan wang atau dana yang dipindah, dikredit atau dibayar ke dalam Akaun Penyertaan Peserta Layak dianggap sebagai dideposit dengan sewajarnya oleh Peserta Layak bagi tujuan Kempen ini menurut Terma-Terma dan Syarta-Syarat di sini dengan syarat wang atau dana tersebut adalah dipindah, dikredit atau dibayar ke dalam Akaun Penyertaan Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung dari bank dan/atau institusi kewangan lain dalam **tiga (3) hari perniagaan**.

9. Setiap Pelanggan Layak hanya berhak mendapat Ganjaran Tunai maksimum sekali tidak mengira berapa PCA/PCA-i yang dibuka di bawah nama tunggalnya. Berkenaan dengan akaun bersama, Ganjaran Tunai hanya akan dikreditkan sekali ke dalam PCA/PCA-i pemegang akaun bersama. Untuk mengelakkan keraguan, hak pemegang akaun bersama terhadap Ganjaran Tunai dijelaskan di bawah:-

   Pelanggan Layak A telah membuka satu PCA/PCA-i di bawah nama tunggalnya dan membuka satu PCA/PCA-i bersama dengan Pelanggan Layak B semasa Tempoh Kempen. PCA/PCA-i bersama ini hanya berhak mendapat Ganjaran Tunai sekali dengan syarat Pelanggan A tidak merupakan pemegang akaun utama bagi PCA/PCA-i bersama dan Pelanggan B tidak membuka sebarang PCA/PCA-i di bawah nama tunggalnya.

10. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan Layak yang dibuka semasa Tempoh Kempen dalam masa 8 hingga 10 minggu selepas bulan pembukaan akaun.

11. Apabila Ganjaran Tunai dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan, akaun tersebut HENDAKLAH dalam keadaan baik dan TIDAK BOLEH melanggar sebarang terma dan syarat dalam perjanjian Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i CIMB dan/atau tidak sah atau dibatalkan menurut definisi CIMB, jika tidak Ganjaran Tunai akan dibatalkan.

12. CIMB tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada Pelanggan Layak untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai ke akaun-akaun lain yang dibuka oleh Pelanggan Layak.

Terma-terma dan Syarat-syarat Am

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini. Akaun Penyertaan Pelanggan Layak (i) HENDAKLAH TIDAK melanggar terma-terma dan syarat-syarat PCA/PCA-i atau Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks atau Perjanjian Perbankan Mudah Alih CIMB Clicks; DAN (ii) TIDAK ditamatkan atau ditutup atau dikenakan sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, ingkar, dan/atau tidak sah atau dibatalkan menurut definisi CIMB, jika tidak Pelanggan Layak akan disingkirkan daripada menyertai Kempen ini dan tidak berhak menerima Ganjaran Tunai.

14. Keputusan CIMB berkaitan dengan setiap aspek Kempen adalah muktamad, mengikat dan konklusif dengan syarat sentiasa bahawa keputusan hendaklah nampaknya adil dan munasabah. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan lanjut untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

15. Semua terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Keahlian CIMB Preferred dan Akaun Semasa/Akaun-i hendaklah terus terpakai melainkan dan kecuali sekiranya atau di mana-mana ia telah diubah atau dipinda secara nyata oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Keahlian CIMB Preferred dan Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i, Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini hendaklah mengatasi yang lain bagi tujuan Kempen ini.

16. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara jua berhubung dengan sebarang kerosakan teknikal tidak kira apa jua jenisnya, apa jua campur tangan, gangguan dan/atau kepincangan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilaksanakan oleh Peserta Layak melalui CIMB Clicks kecuali jika ini disebabkan oleh keingkaran yang disengajakan atau kecuaian melampau oleh CIMB.

17. CIMB berhak menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau menggantikan Ganjaran Tunai dengan ganjaran yang mempunyai nilai yang sama atau setara, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kempen ini dan/atau penggantian Ganjaran Tunai tidak

akan memberikan hak kepada Pelanggan Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap CIMB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecuaian melampau atau keingkaran yang disengajakan oleh CIMB.

18. CIMB berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Makluman tentang Pindaan kepada Pelanggan Layak akan dilakukan menurut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu melalui pos biasa ke alamat Pelanggan Layak yang terakhir diketahui atau dengan memaparkan notis tentang Pindaan di setiap cawangan CIMB atau menyiarkan iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB atau melalui laman web CIMB atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap mengikat dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh yang boleh ditetapkan oleh CIMB dalam makluman. Pelanggan Layak mengakui dan bersetuju mengakses laman web CIMB dengan tetap untuk membaca Terma-terma dan Syarat-syarat dan memastikan mereka mempunyai pengetahuan terkini mengenai apa-apa perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

19. Terma-terma dan Syarat-syarat ini seperti yang dipinda dari semasa ke semasa akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.

20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju bahawa tidak akan mempertanggungjawabkan CIMB sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan obligasinya di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kerosakan elektrik, pertikaian perusahaan, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang bencana alam di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam bentuk force majeure.

21. Dengan penerimaan Ganjaran Tunai, Pelanggan Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan ahli gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan agen mereka masing-masing bagi dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan ahli gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan agen mereka masing-masing berhubung dengan penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen atau penerimaan, penebusan atau penggunaan Ganjaran Tunai.

22. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak, termasuk Pelanggan Layak, atas sebarang kerugian atau kerosakan tidak kira sifatnya yang dialami oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kecederaan atau kematian, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, gantirugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas yang ditanggung oleh mana-mana pihak) yang walau bagaimanapun jua berbangkit, berkaitan dengan tindakan Pelanggan Layak menyertai atau tidak menyertai Kempen termasuk sekiranya Pelanggan Layak menerima, tidak menerima dan/atau lewat menerima panggilan telefon atau Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) atau e-mel oleh Pelanggan Layak tertentu kecuali jika disebabkan oleh keingkaran yang disengajakan atau kecuaian melampau oleh CIMB.

23. CIMB tidak menanggung sebarang tanggungjawab untuk sebarang implikasi cukai yang mungkin berbangkit daripada Ganjaran Tunai atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Ganjaran Tunai kekal sebagai tanggungjawab Pelanggan Layak semata-mata. Setiap Pelanggan Layak bertanggungjawab mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasinya terhadap situasi kewangannya sendiri.

24. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa CIMB berhak menerbitkan dan/atau memaparkan, tanpa sebarang kos dikenakan terhadap Pelanggan Layak, bahan dan/atau maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, bandar kediaman dan gambar Pelanggan Layak yang menerima Ganjaran Tunai untuk Kempen ini bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang dianggapnya wajar.

25. Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa lain, versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pelanggan Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi PCA/PCA-i, maka versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.

26. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi 'Customer Resolution Department' CIMB di alamat, nombor telefon, dan nombor faks berikut (atau di mana-mana alamat, nombor telefon dan nombor faks lain yang boleh diubah oleh CIMB dengan memaklumkan Peserta Layak): Customer Resolution Unit, Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2283 5302/ CRU@cimb.com.